UKIRAN MOTIF BUNGA TANJUNG DI ISTANA BANDAR

"Bunga tanjung sembilan kelopak ialah bunga rasmi Selangor dan menjadi antara ragam hias utama yang diabadikan oleh Almarhum Sultan Ala'eddin Suleiman Shah dalam seni bina Istana Bandar Kampung Bandar Kuala Langat sejak 1905 lagi". Motif bunga tanjung telah menjadi ragam hias yang sangat sinonim dengan kesultanan Selangor sejak dahulu lagi. Selain menjadi ragam hias utama dalam istana, motif Bunga Tanjung juga diguna pakai dalam hiasan dan corak yang esklusif pada busana DiRaja, ia juga menjadi hiasan pada seni sulaman, gubahan tekat dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, motif Bunga Tanjung yang terdapat di tiang-tiang dalam Istana Bandar hanya mempunyai 8 kelopak. Ianya kerana ketika itu, Negeri Selangor hanya mempunyai 8 daerah iaitu Gombak, Hulu Langat, Hulu Selangor, Kuala Langat, Klang, Kuala Selangor, Petaling dan Sabak Bernam. Pada 1 Januari 1975, Sepang yang pada asalnya merupakan sebahagian daripada daerah Kuala Langat (Mukim Labu dan Sepang) dan daerah Hulu Langat (Mukim Dengkil). Gabungan tersebut telah membentuk daerah baharu yang ke-9, iaitu daerah Sepang.

Pada 1989 juga, ketika pembukaan rasmi Muzium Sultan Alam Shah motif bunga tanjung 9 kelopak ini turut diabadikan sebagai motif ukiran kayu di bahagian dinding dan pintu Muzium Sultan Alam Shah. Berikutan itu, motif Bunga Tanjung dengan 9 kelopak yang melambangkan 9 daerah dalam Negeri Selangor telah dipatenkan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) sebagai motif bunga rasmi Negeri Selangor.

MOTIF BUNGA TANJUNG YANG TERDAPAT

PADA RAGAM HIAS TIANG DI ISTANA BANDAR





